

Tahap Perkembangan Komunikasi Murid di Prasekolah (Level Of Student Communication Development In Preschool)

Anggela Ezra Angin^{1*}, Suziyani Mohamed¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: anggelaezra@gmail.com

Received: 27 January 2024 | Accepted: 15 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.40>

Abstrak: Perkembangan komunikasi kanak-kanak merupakan satu perkembangan penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak. Kanak-kanak perlu mendapatkan pendedahan seawal yang mungkin agar mereka dapat menguasai perkembangan komunikasi dengan efektif. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini ialah kajian tinjauan. Instrumen soal selidik yang digunakan ialah Assessment, Evaluation, and Programming System for Infants and Children yang telah diubahsuai untuk mengukur tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah. Soal selidik yang menggunakan skala likert 3 mata ini telah diedarkan kepada responden kajian melalui Google Form. Responden kajian adalah seramai 300 orang ibu bapa atau penjaga daripada 29 buah kelas prasekolah di Telupid, Sabah yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Pengumpulan dan penganalisaan data dilakukan dengan menggunakan perisian Statistical Package Social Science (SPSS). Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan peratusan tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap perkembangan komunikasi berada pada tahap telah menguasai. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai tahap perkembangan komunikasi yang baik sesuai dengan umur mereka. Perbincangan kajian mendapati bahawa perkembangan komunikasi kanak-kanak dapat berkembang dengan baik dengan adanya sokongan daripada persekitaran mereka. Ibu bapa perlu peka dengan tanggungjawab mereka dalam memastikan kanak-kanak berkembang secara optimum dan menyeluruh.

Kata Kunci: Perkembangan Komunikasi, Kanak-Kanak, Murid, Prasekolah, Ibu Bapa

Abstract: The development of children's communication is imperative in a child's life. Children need early exposure to enable them to master their communication development effectively. The purpose of this study was to identify the level of communication development of students in preschool. For research design, a quantitative approach through survey was employed. The questionnaire instrument was modified from the Assessment, Evaluation, and Programming System for Infants and Children to measure the level of communication development of students in preschool. This questionnaire, using 3-point Likert scale, was distributed to the study respondents via Google Form. The respondents of this study were 300 parents or guardians from 29 preschool classes in Telupid, Sabah, who were selected by simple random sampling technique. Data collection and analysis was conducted using the Statistical Package Social Science (SPSS) software. Descriptive statistics were used to obtain mean values, standard deviations and percentages of students' communication development levels in

preschool. The results of this study indicated that the level of communication development was at mastering level. Thus, the children have a level of communication development that is appropriate for their age. Based on the discussion, children's communication development can develop well with support from their environment. Parents are responsible for ensuring that their children's development is optimal and comprehensive.

Keywords: Communication Development, Children, Students, Preschool, Parents

1. Pendahuluan

Komunikasi menjadi satu kepentingan dalam kehidupan manusia kerana melalui komunikasi manusia dapat berinteraksi antara satu sama lain dalam kehidupan seharian mereka (Arniati, 2019). Bagi seseorang kanak-kanak, perkembangan komunikasi merupakan milestone yang penting kerana ianya akan mempengaruhi perkembangan yang lainnya seperti perkembangan sosial dan kognitif (Joanna, 2013). Pendedahan yang baik berkaitan dengan bahasa dan komunikasi memberi impak terhadap perkembangan sosial dan kognitif kanak-kanak (Mohamed Isa et. al., 2021). Perkembangan komunikasi juga dapat dikaitkan dengan kompetensi sosioemosi pada peringkat awal kanak-kanak dan seterusnya mempengaruhi kejayaan mereka di sekolah kelak (Van Hoff, 2013). Justeru, dapat disimpulkan bahawa komunikasi memberi implikasi yang besar terhadap perkembangan seseorang kanak-kanak.

Kanak-kanak yang berumur 2 hingga 6 tahun boleh mempelajari 10 perkataan baharu pada setiap hari, iaitu secara puratanya mereka mampu memperoleh 10 000 hingga 14 000 perkataan semasa kanak-kanak berusia 6 tahun (Saxton, 2010). Pada peringkat usia ini, kanak-kanak memiliki otak yang berupaya untuk menjadi alat penyimpanan bahasa yang sangat efektif (Mohamed Isa et al., 2017). Walau bagaimanapun, kebolehan ini tidak akan dapat berfungsi dengan baik sekiranya kanak-kanak tidak menerima pendedahan yang sepatutnya (Beaty & Pratt, 2011). Perkara ini menjelaskan bahawa kanak-kanak perlu diberi pendedahan seawal yang mungkin agar mereka dapat menguasai perkembangan komunikasi dengan lebih baik.

Perkembangan komunikasi kanak-kanak merupakan salah satu aspek perkembangan yang perlu diberi perhatian oleh para pendidik dan juga ibu bapa (Putra et. al., 2018). Kemahiran berkomunikasi kanak-kanak merupakan faktor penentu kepada perkembangan kanak-kanak secara keseluruhannya kerana sekiranya terdapat masalah terhadap kemahiran berbahasa, ianya dipercayai akan mempengaruhi kemahiran-kemahiran yang lain seperti kognitif, sensori motor, psikologi, emosi dan persekitaran kanak-kanak (Putra et. al., 2018). Menyedari kepentingan perkembangan komunikasi terhadap kanak-kanak, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah.

2. Kajian Literatur

Secara umumnya, komunikasi merujuk kepada suatu proses interaksi antara seseorang individu dengan individu yang lain dan ia melibatkan pertukaran maklumat melalui pergerakan isyarat simbol atau pertuturan (Rahman, 2012). Kemahiran berkomunikasi ini merupakan tonggak utama dalam interaksi, penglibatan terhadap sesuatu, pembinaan hubungan dan persahabatan dan bersosialisi dengan persekitaran kerana kanak-kanak yang boleh berinteraksi dengan berkesan akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar seterusnya dapat menggalakkan proses penerokaan pengetahuan (Vygotsky, 1978; Lattimer & Riordan, 2011 dalam Abdul Rahman, 2015).

Selain itu, keyakinan diri kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran dapat ditingkatkan sekiranya murid dapat berkomunikasi dengan baik dan turut membantu kanak-kanak untuk memahami konsep asas sains awal dan kemahiran menyoal akan menggalakkan penguasaan perbendaharaan kata dalam diri kanak-kanak (Hope-Southcott, 2013). Komunikasi memberikan pelbagai implikasi yang positif dalam kehidupan kanak-kanak.

Perkembangan komunikasi kanak-kanak boleh dirangsang melalui aktiviti bermain. Kajian-kajian terdahulu melaporkan bahawa, melalui bermain kanak-kanak akan belajar untuk berinteraksi dengan rakan-rakan, berkomunikasi, menyesuaikan diri dengan persekitaran, dan mengenali objek-objek yang terdapat di persekitaran mereka (Nor Puteh & Ali, 2011). Aktiviti bermain seperti main peranan melalui permainan boneka bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kanak-kanak terhadap kemahiran berkomunikasi malah turut dapat mengembangkan imaginasi seterusnya mendorong kepada penguasaan yang lebih efektif terhadap kemahiran berbahasa (Septiani & Purwati, 2015). Kemahiran berkomunikasi kanak-kanak semakin meningkat dengan adanya rangsangan yang bersesuaian daripada persekitaran mereka.

Kepentingan perkembangan komunikasi

Perkembangan komunikasi kanak-kanak perlu diberi perhatian kerana seseorang kanak-kanak tidak mampu untuk bertutur dan berkomunikasi tanpa sokongan daripada persekitarannya yakni ibu bapa kanak-kanak itu sendiri (Lestari et. al., 2014). Perkembangan komunikasi bukan sahaja membantu dalam perkembangan sosial kanak-kanak tetapi juga membantu dalam perkembangan sosioemosi kerana melalui komunikasi kanak-kanak dapat menyuarakan permintaan dan keinginan, memiliki kemampuan untuk menjaga diri serta melatih kanak-kanak untuk mengawal diri (Bawono, 2017).

Penguasaan yang baik oleh kanak-kanak terhadap kemahiran berkomunikasi membolehkan mereka berinteraksi dengan cara yang betul, berkesan dan tepat kepada masyarakat (Peng Chew & Fikri Ismail, 2020). Perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak untuk bertutur juga dapat dilihat memberi impak yang positif terhadap kawalan sendiri kanak-kanak (Vallotton & Ayoub, 2011). Justeru itu, untuk meningkatkan komunikasi, kanak-kanak perlu menguasai elemen penting dalam bertutur iaitu meningkatkan kebolehan untuk memahami apa yang dituturkan oleh orang lain (Hidayah et. al., 2016).

Selain itu, interaksi antara kanak-kanak dengan ibu bapa dapat membentuk komunikasi yang bersifat verbal dan fizikal yang akan kanak-kanak gunakan untuk berinteraksi dengan rakan-rakan pada masa akan datang (Mei-Ju et. al., 2014). Melalui interaksi dengan rakan-rakan yang lain, kemahiran bersosial kanak-kanak akan meningkat (Dere Çiftçi et al. 2021) yang mana melalui interaksi ini kanak-kanak mampu menyelesaikan konflik interpersonal dengan baik dan lebih cenderung untuk mewujudkan interaksi yang positif dengan orang lain (Kennedy, 2018). Kemampuan kanak-kanak menguasai perkembangan komunikasi membolehkan kanak-kanak menjalani kehidupan seharian dengan lebih berkualiti.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini adalah kajian tinjauan. Secara ringkasnya, melalui kajian tinjauan ini pengkaji akan memilih sebilangan subjek daripada populasi untuk dijadikan sebagai responden, mengumpulkan maklumat daripada responden dan seterusnya menganalisis maklumat tersebut untuk

menjawab soalan-soalan kajian. Kajian tinjauan melalui soal selidik ini dijalankan untuk mendapatkan data mengenai tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah.

Kajian ini dijalankan terhadap prasekolah-prasekolah yang terdapat di sekitar Daerah Telupid. Secara ringkasnya, Daerah Telupid merupakan salah sebuah daerah yang terdapat di negeri Sabah. Daerah ini memiliki sekurang-kurangnya 29 buah prasekolah. Lokasi kajian ini dipilih kerana menepati kriteria bagi mencapai objektif dalam kajian ini. Disamping itu, lokasi kajian yang dipilih merupakan daerah di mana pengkaji bertugas dan ianya dapat memudahkan proses pengumpulan data oleh pengkaji.

Populasi kajian merupakan ibu bapa atau penjaga murid-murid prasekolah di daerah tersebut. Manakala, teknik persampelan yang digunakan dalam kajian adalah persampelan rawak mudah yang menggunakan formula pengiraan sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina, umur, hubungan dengan anak dan tahap pendidikan.

Jadual 1: Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina, umur, hubungan dengan anak dan tahap pendidikan

Item	Kategori	n	%
Jantina	Perempuan	178	59.3%
	Lelaki	122	40.7%
	20 – 29 Tahun	57	19%
	30 – 39 Tahun	160	53.3%
	40 – 49 Tahun	81	27%
Umur	50 tahun dan ke atas	2	0.7%
	Ibu	177	59%
Hubungan dengan anak	Bapa	121	40.3%
	Penjaga	1	0.35%
	Lain-lain	1	0.35%
	Sekolah Rendah	9	3%
	SRP / PMR	37	12.3%
Tahap pendidikan	SPM	158	52.7%
	STPM / Matrikulasi / Diploma	34	11.3%
	Sarjana Muda	50	16.7%
	Sarjana	8	2.7%
	Lain – lain	4	1.3%

Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data kajian ini adalah satu set borang soal selidik *Assessment, Evaluation, and Programming System for Infants and Children* yang telah diubahsuai daripada Bricker et. al. (2002). Soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B yang mana bahagian A mengandungi maklumat mengenai demografi responden seperti jantina, umur, hubungan dengan anak dan tahap pendidikan. Manakala, pada bahagian B iaitu tahap perkembangan komunikasi, responden akan menjawab 14 item tersebut dengan menggunakan skala Likert 3 mata (3 – Selalu, 2 – Kadang-kadang dan 1 – Tidak Pernah)

Bagi pengumpulan data, pengkaji telah membuat permohonan dalam Sistem Permohonan Menjalankan Penyelidikan Pendidikan Dalam Talian (Eras 2.0) sebelum mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak tertentu seperti pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Telupid/Tongod serta pentadbir bagi prasekolah-prasekolah yang terlibat. Seterusnya pengkaji mengedarkan pautan google form kepada prasekolah-prasekolah yang terlibat melalui guru kelas bagi setiap kelas. Pengkaji memberikan masa selama dua minggu kepada responden untuk melengkapkan soal selidik.

Setelah pengumpulan data dilakukan, penganalisaan data perlu dilaksanakan untuk mendapatkan hasil yang tepat dan maklumat yang berguna (Edek & Isha, 2020). Dalam kajian ini, penganalisaan data dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan perisian Statistical Package Social Science (SPSS) selepas maklum balas daripada soal selidik diperolehi. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam penganalisaan data ialah statistik deskriptif.

Secara ringkasnya, statistik deskriptif berfungsi untuk menerangkan keadaan atau fenomena, gejala ataupun persoalan dan analisis deskriptif boleh digunakan terhadap satu atau lebih pemboleh ubah bebas (Nasution, 2017). Oleh itu, analisis ini bukan dalam bentuk perbandingan atau hubungan. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk memperoleh min, peratus, kekerapan dan sisihan piawai dalam kajian. Maka, berdasarkan hasil statistik tersebut, pengkaji akan menginterpretasi data berpandukan kepada jadual interpretasi yang terdapat pada Jadual 2. Berikut merupakan jadual interpretasi skor min tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Tahap Perkembangan Komunikasi Murid

Skor Min	Interpretasi
0.00 hingga 1.00	Belum Menguasai
1.01 hingga 2.00	Sedang Menguasai
2.01 hingga 3.00	Telah Menguasai

Sumber: Mohamed Isa et. al (2017)

4. Dapatan Kajian

Seramai 300 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, hasil statistik deskriptif yang terdapat di dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah berada pada tahap telah menguasai iaitu nilai min 2.908 dan sisihan piawai 0.298. Interpretasi skor min bagi tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah adalah telah menguasai.

Jadual 3: Statistik deskriptif tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah

Nilai min dan sisihan piawai keseluruhan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min
	2.908	0.298	Telah Menguasai

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan keseluruhan yang diperolehi berkaitan dengan tahap perkembangan komunikasi murid di prasekolah. Semua hasil dapatan yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk jadual yang mengandungi bilangan responden dan peratus bagi setiap item.

Jadual 4: Bilangan dan peratusan perkembangan komunikasi murid di prasekolah

No.	Item	n (%)		
		1 (TP)	2 (K)	3 (S)
C1	Menggunakan perkataan, frasa atau ayat untuk menyatakan perkara yang boleh dijangkakan.	1 (0.3%)	22 (7.3%)	277 (92.3%)
C2	Menggunakan perkataan, frasa atau ayat untuk menerangkan objek, peristiwa atau orang.	1 (0.3%)	21 (7.0%)	278 (92.7%)
C3	Memainkan peranan sebagai penutur atau pendengar dalam sesuatu perbualan	1 (0.3%)	27 (9%)	272 (90.7%)
C4	Memberi respon terhadap perubahan topik yang dimulakan oleh orang lain.	2 (0.7%)	23 (7.7%)	275 (91.7%)
C5	Bertanya soalan untuk mendapatkan penjelasan.	3 (1%)	22 (7.3%)	275 (91.7%)
C6	Menjawab soalan yang mempunyai kesinambungan.	3 (1%)	20 (6.7%)	277 (92.3%)
C7	Memulakan topik yang berkaitan dengan situasi ataupun rakan berkomunikasi	4 (1.3%)	23 (7.7%)	273 (91%)
C8	Memberi respon terhadap perbualan orang lain dengan topik yang	3 (1%)	22 (7.3%)	275 (91.7%)
C9	Bertanya soalan yang memerlukan orang dewasa memberi respon iya atau tidak.	3 (1%)	21 (7%)	276 (92%)
C10	Bertanya soalan dengan kata bantu songsang.	3 (1%)	23 (7.7%)	274 (91.3%)
C11	Bertanya soalan yang menggunakan kata tanya “bila”	3 (1%)	20 (6.7%)	277 (92.3%)
C12	Bertanya soalan yang menggunakan kata tanya, “mengapa”, “siapa”, dan “bagaimana”	3 (1%)	21 (7%)	278 (93%)
C13	Bertanya soalan menggunakan kata tanya “apa” dan “di mana”	3 (1%)	19 (6.3%)	278 (92.7%)
C14	Bertanya soalan dengan menggunakan gambar yang dinaikkan pada akhir ujaran	5 (1.7%)	25 (8.3%)	270 (90%)

*kekerapan dan nilai peratus, TP: Tidak pernah, K: Kadang-kadang, S: Selalu

Berpandukan hasil penganalisaan terhadap dapatan kajian, terdapat 4 orang responden (1.3%) yang menyatakan bahawa anak mereka tidak pernah memulakan topik yang berkaitan dengan situasi ataupun rakan berkomunikasi. Manakala, 23 orang (7.3%), kadang-kadang dan 273 orang (91%) selalu terhadap item C7 tersebut.

5. Perbincangan

Hasil dapatan menunjukkan bahawa perkembangan komunikasi kanak-kanak adalah berada pada tahap telah menguasai. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid prasekolah memiliki perkembangan komunikasi yang baik dengan adanya penglibatan daripada ibu bapa mereka. Ia telah disokong oleh dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Badli & Mohamed (2021) yang menyatakan bahawa pembentukan bahasa kanak-kanak dapat ditingkatkan dengan adanya penglibatan ibu bapa. Komunikasi yang wujud antara ibu bapa dan kanak-kanak bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan keperibadian kanak-kanak bahkan ia juga memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku dan sistem kepercayaan dalam diri kanak-kanak (Jamil et. al., 2022).

Walau bagaimanapun, dapatan ini sedikit berbeza dengan hasil kajian oleh pengkaji terhadap perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak yang berumur 2+ tahun yang menunjukkan bahawa tahap perkembangan bahasa dan komunikasi mereka berada pada tahap sedang menguasai (Mohamed Isa et. al., 2017). Namun begitu, dapatan ini mungkin berbeza kerana dipengaruhi oleh faktor umur kanak-kanak.

Hasil analisis terhadap perkembangan komunikasi kanak-kanak, didapati bahawa kanak-kanak mempunyai tahap penguasaan yang tinggi terhadap item anak saya dapat bertanya soalan yang menggunakan kata tanya, “mengapa”, “siapa” dan “bagaimana” serta kata tanya “apa” dan “di mana” yang mana majoriti ibu bapa menyatakan bahawa anak mereka selalu menggunakan kata tanya tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat menggunakan kata tanya yang bersesuaian dalam komunikasi harian mereka. Pembelajaran terhadap komunikasi merupakan kunci untuk seseorang kanak-kanak berinteraksi dengan individu-individu yang terdapat di sekeliling mereka dan untuk memenuhi keperluan mereka (Gooden & Kearns, 2013). Perkembangan komunikasi seseorang kanak-kanak berlaku apabila kanak-kanak mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa mereka dan kanak-kanak yang hidup dalam keluarga yang harmoni mempunyai peluang yang lebih tinggi dalam meningkatkan penguasaan mereka terhadap perkembangan komunikasi (Indrayani, 2016).

6. Kesimpulan

Perkembangan komunikasi kanak-kanak merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi memastikan kanak-kanak dapat mencapai tahap perkembangan secara optimum dan menyeluruh. Kanak-kanak perlu mendapat sokongan yang sewajarnya daripada persekitaran mereka agar mereka dapat meningkatkan penguasaan terhadap perkembangan komunikasi dengan lebih efektif. Melalui kajian ini adalah diharapkan ianya memberi kesedaran kepada semua untuk membantu kanak-kanak menguasai kemahiran berkomunikasi agar mereka dapat mengimplementasikan kemahiran tersebut dalam kehidupan sebenar.

Rujukan

- Abdul Rahman, N. M. (2015). *Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika*.
- Arnianti, A. (2019). Teori Perkembangan Bahasa. *PENSA*, 1(1), 139-152. Retrieved from <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/pensa/article/view/352>
- Badli, S., & Mohamed, S. (2021). Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Dengan Perkembangan Kanak-Kanak Di Tabika Kemas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 273-284. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15717>
- Bawono, Y. (2017). Kemampuan berbahasa pada anak prasekolah : Sebuah kajian pustaka. *Prosiding Temu Ilmiah X Ikatan Psikologi Perkembangan Indonesia*.
- Beaty, J. J., & Pratt, L. (2011). *Early Literacy in Preschool and Kindergarten: A Multicultural Perspective* (3rd ed.). Pearson Allyn & Bacon, 2011.
- Bricker, D., Capt, B., & Pretti-Frontczak, K. (2002). *Assessment, Evaluation and Programming System for Infants and Children* (Second Edition). Paul H. Brookes Publishing Co.
- Dere Çiftçi, H., Ceylan, R., & Gök Çolak, F. (2021). The Relationship Between Preschool Children's Social Competence Skills and Their Ability to Communicate With Their Mothers. *Participatory Educational Research*, 8(2), 435–459. <https://doi.org/10.17275/per.21.48.8.2>
- Edek, F., & Isha, S.R.B (2020). The Importance of Parental Involvement in Home-Based

- Learning to Improve the Academic Achievements of Kindergarten Children. *CAPEU Journal of Education*, 1 (2), 56 – 63
- Gooden, C., & Kearns, J. F. (2013). *The importance of communication skills in young children* (1—). University of Kentucky, Human Development Institute. http://www.hdi.uky.edu/media/default/documents/research/researchbrief_summer2013.pdf
- Hidayah, N., Prabowo, T., & Najmuna, A. (2016). Pola Asuh Ibu Berhubungan dengan Tingkat Perkembangan Bahasa pada Anak Prasekolah di TK Al Farabi Yogyakarta. *Jurnal Ners Dan Kebidanan Indonesia*, 1(2), 48. [https://doi.org/10.21927/jnki.2013.1\(2\).48-54](https://doi.org/10.21927/jnki.2013.1(2).48-54)
- Hope-Southcott, L. (2013). The Use of Play and Inquiry in a Kindergarten Drama Centre: A Teacher's Critical Reflection. *Journal of Childhood Studies*, 38(1), 39–46. <https://doi.org/10.18357/jcs.v38i1.15437>
- Indrayani, N. (2016). Language Development At Early Childhood. International Conference on Education.
- Jamil, N. A., Kariuddin, N. A. F., Abdul, M. A., Mohd Arof, N., Mohamad, I., & Harun, F. ' A. (2022). Penglibatan Ibu bapa dalam Rutin Perbualan Harian Bersama Anak: Satu Analisis Keperluan. *Jurnal Sains Sosial*, 7(1), 53–60.
- Joanna, R.-J. (2013). Socioeconomic Status and Parental Involvement as Cognitive and Affective Factors Fostering Very Young Learners' Second Language Development (pp. 189–201). https://doi.org/10.1007/978-3-642-35305-5_11
- Kennedy, E. (2018). Engaging children as readers and writers in high-poverty contexts. *Journal of Research in Reading*, 41(4), 716–731. <https://doi.org/10.1111/1467-9817.12261>
- Krejcie, R. v., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lestari, N. T., Handayani, N., & Santy, W. H. (2014). Gambaran Tingkat Pengetahuan Ibu Tentang Perkembangan Bahasa dan Bicara Anak usia Prasekolah (4-6 tahun) di TK
- Mei-Ju, C., Chen-Hsin, Y., & Pin-Chen, H. (2014). The Beauty of Character Education on Preschool Children's Parent-child Relationship. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 143, 527–533. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.431>
- Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M., Shamsudin, I. D., Bacotang, J., & Gnana Piragasam, G. A. (2021). Support Activities for Development of Child Language and Communication. *National Journal of Early Childhood Education*, 10(2), 27-34. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>
- Mohamed Isa, Z., Bacotang, J., Zainuddin, N. F., & Che Mustafa, M. (2017). Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak berusia 2+ Tahun (Persidangan Antarabangsa Pedagogi Islam Dalam Pendidikan (ICIPE2017)).
- Nasution, L. M. (2020). Statistik Deskriptif. *Hikmah*, 14(1), 49-55. Retrieved from <https://e-jurnal.staisumatera-medan.ac.id/index.php/hikmah/article/view/16>
- Nor Puteh, S., & Ali, A. (2011). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1–15.
- Peng Chew, F., & Fikri Ismail, M. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.2.2020>
- Putra, A. Y., Yudiernawati, A., & Maemunah, N. (2018). Pengaruh Pemberian Stimulus Oleh Orang Tua Terhadap Perkembangan Bahasa pada Anak Usia Toodler di PAUD Asparaga Malang. *Jurnal Ilmiah Keperawatan*, 3(1).
- Rahman, K.A. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi (Effective Teacher Dispositions: Personality Traits and Communication

- Skills). *Akademika*, 82.
- Saxton, M. (2010). *Child language: Acquisition and development*. Sage.
- Septiani, A., & Purwati, Y. (2015). Efektivitas Bermain Peran Sandiwara Boneka dalam Perkembangan Bahasa Anak Usia Prasekolah di TK PGRI Nanggulan Kulon Progo Yogyakarta.
- Vallotton, C., & Ayoub, C. (2011). Use your words: The role of language in the development of toddlers' self-regulation. *Early Childhood Research Quarterly*, 26(2), 169–181. <https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2010.09.002>
- Van Hoof, L. (2013) 'Performing Paideia: Literature as an Instrument for Social Promotion in the Fourth Century A.D.'. *Classical Quarterly* 63: 387-406.